PELUANG KERJAYA

SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

IJAZAH PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Kekosongan : 21 **Simpanan : 15**

1. Syarat Lantikan :

(a) warganegara Malaysia;
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
(c) memiliki:
  (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerjaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  (iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  (iv) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  (v) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan):

(a) Bahasa Arab;
(b) Usuluddin;
(c) Syariah;
(d) Pendidikan Bahasa Inggeris;
(e) Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling;
(f) Dakwah dan Pengurusan;
(g) Takhassus Qiraat;
(h) Tafsir dan Hadis; atau
(i) Pengajian Al-Quran dan Qiraat.

4. Keperluan Tambahan:

(a) Kriteria anak Negeri Sembilan bagi calon atau ibu/bapa; atau
(b) Alamat tempat tinggal calon di Negeri Sembilan; dan
(c) Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan sijil/ diploma yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

5. Maklumat Syarat Lantikan:

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/pegawai-perkhidmatan-pendidikan

Calon yang berminat dan memenuhi syarat ditetapkan boleh mengemukakan/ mengemas kini permohonan secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): **https://spa9.spa.gov.my**.Tarikh tutup permohonan bagi jawatan ini adalah pada **29 Januari 2021 (Jumaat), jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA *ONLINE* DI SPA9

SISTEM PENDAFTARAN PEKERJAAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

https://spa9.spa.gov.my/

SPAMalaysia.gov | SPAMalaysia_gov | spa.malaysia | SPAJPM